

Alasan Mahfuz pilih

BH 17 DEC 2000

Oleh AZRAN JAFFAR

AHLI Parlimen Pokok Sena, Mahfuz Omar, memilih untuk menjalani hukuman penjara sebulan daripada membayar denda RM1,500. Ketika dibebaskan pula, Ketua Dewan Pemuda Pas itu datang semula ke penjara dan berucap di depan penyokongnya walaupun beliau sudah dihantar ke tempat lain beberapa jam sebelumnya.

Apakah motif beliau berbuat demikian atau sekadar mahu mencari publisiti?

Ketika ditanya mengapa beliau memilih penjara sedangkan beliau mampu membayar denda yang dikenakan, Mahfuz mengakui denda itu adalah kecil dan beliau mampu membayarnya.

"Saya ada duit dan saya yakin kalau tidak ada wang pun, orang ramai yang hadir pada perbincangan itu mampu memungut untuk membiayai saya sebagaimana mereka memungut untuk membiayai seorang daripada kami (Minghad Mamut)," katanya.

Tetapi menurutnya beliau memang bertekad tidak mahu membayarnya walau sesen pun. Beliau memberi alasan kononnya jika membayar denda, wang itu akan pergi kepada tabung kerajaan, sambil menambah wang itu akan digunakan untuk kepentingan kerajaan.

"Itulah yang saya umumkan sebelum ini walaupun saya didenda dengan jumlah sekecil manapun, saya lebih rela masuk penjara walaupun untuk satu tempoh yang panjang," katanya.

Sebenarnya, Mahfuz tidak menjangka tempoh hukuman yang sepatutnya dikenakan terhadapnya.

"Jangkaan saya bukan sebulan, tetapi mungkin jumlah denda RM1,500 atau penjara setahun. Saya sudah bersedia dan saya sudah beritahu isteri dan

anak-anak kemungkinan saya tidak akan pulang kerana saya akan berada di penjara lebih kurang setahun. Kalau setahun mungkin tinggal enam atau tujuh bulan setelah ditolak cuti dan pengampunan," katanya.

Mahfuz menganggap perhimpunan (menentang pasukan kriket Israel dan berhimpun tanpa kebenaran) adalah menjadi haknya, kononnya "memperhatikan dasar luar negara yang mana sehingga sekarang kita tidak ada apa-apa hubungan diplomatik dengan Israel."

"Jika tidak ada hubungan diplomatik, tidak ada rakyat negara ini boleh ke Israel dan tidak ada rakyat Israel boleh ke sini. Ini termaktub dalam pasport antarabangsa. Sebab itu saya mempertikaikan bagaimana kerajaan menjadi tuan rumah kejohanan kriket antarabangsa, tiba-tiba membenarkan pasukan kriket Israel," tambahnya.

Bagi pemahamannya, walaupun yang datang itu pasukan kriket, ia mewakili negara dan apabila menerima kehadiran mereka, seolah-olah mengiktiraf kewujudan negara itu, sedangkan ia negara yang wujud secara haram, secara rampasan kuasa.

Soalnya, perhimpunan yang diadakan membantah kehadiran pasukan kriket Israel itu dibuat tanpa permit.

Beliau menjawab, apa-apa perhimpunan, atas apa topik sekalipun, beliau berpegang kepada peruntukan Perlembagaan bahawa ia adalah hak rakyat untuk berhimpun secara aman tanpa senjata. Oleh itu, katanya tidak wajar meletak kesalahan kepada beliau untuk menghadiri apa-apa perhimpunan yang menjadi hak rakyat. Oleh itu beliau mendakwa tindakan kerajaan menangkap dan seterusnya mendakwa beliau adalah tindakan tidak demokratik yang bersifat antidemokrasi, antiperlembagaan dan antidasar negara sendiri.

Mahfuz mungkin lupa beliau adalah wakil rakyat. Sekiranya beliau memilih penjara sebagaimana jangkaan awal-

nya iaitu selama setahun, apakah ia tidak mengganggu tugasnya?

"Saya kira tidak ada kecacatan dalam menjalankan tugas. Saya masuk penjara kerana mempertahankan hak rakyat. Itu yang kena faham. Saya mempertahankan maruah negara. Bermakna saya melaksanakan tugas saya sebagai Ahli Parlimen berbanding sebahagian besar Ahli Parlimen yang hadir (di Parlimen) tetapi tidak menyuarakan hasrat rakyat.

"Sebab itu adalah lebih wajar saya masuk penjara kerana mempertahankan hak, maruah dan rakyat. Di kawasan sendiri, wakil peribadi saya ada tiga

orang (tiga Ahli Dewan Undangan Negeri). Mereka melaksanakan tugas bagi pihak saya. Masalah banjir dan hal yang dihadapi rakyat, mereka akan mengeluarkan bantuan daripada tabung yang saya sediakan dan sepanjang bulan puasa, sepanjang ketiadaan saya, memang beri perkhidmatan seperti kanji (bubur lambuk) secara percuma kepada penduduk dalam Parlimen Pokok Sena. Jadi saya rasa tiada masalah," katanya.

Soalnya, apakah tindakan Mahfuz memilih penjara kerana mahu dikenali sebagai hero Palestin sebagaimana disiarkan oleh akhbar tertentu?

penjara

“Saya tidak pernah menganggap diri saya sebagai hero atau wira. Perdana Menteri mengisytiharkan saya wira dan hero di Parlimen dan memberikan ucapan tahniah. Saya ucapkan terima kasihlah kepada PM dan saya tak boleh nak halang orang gelar saya wira, sebagaimana Dr Mahathir tak boleh nak halang orang gelar dia sebagai wira negara dunia ketiga. Apa yang saya lakukan adalah menyatakan sokongan saya terhadap perjuangan rakyat Palestin.

Ditanya masuk penjara itu sebagai gimik politik atau cubaan Pas untuk meningkatkan populariti di kalangan masyarakat, Mahfuz menjawab:

“Itu bukan gaya kita berpolitik. Cara kita ialah dengan meyakinkan mereka terhadap perjuangan kita dan bukannya melalui gimik politik dengan menimbulkan ucapan dan kata-kata yang retorik. Tetapi kita meyakinkan apa yang kita boleh buat, apa yang kita boleh suarakan. Sebab itu saya percaya kalau saya tidak masuk penjara pun sokongan rakyat terhadap Pas sudah tinggi. Malah di penjara sendiri pun, saya dapat tahu 80 peratus kakitangan penjara adalah penyokong Pas dan Barisan Alternatif,” tambahnya.

Mahfuz juga ditanya mengenai layanan ketika di penjara.

“Ramai juga tanya macam mana layanan di penjara, bagus atau tidak? Saya kira soalan itu langsung tidak wajar dikemukakan. Ada juga kawan-kawan di Parlimen yang tanya, tapi saya katakan mana ada layanan yang bagus di penjara. Layanan yang bagus ialah di rumah. Ada satu tanggapan seolah-olah berada di penjara seperti duduk di hotel.

“Sebab itu bagi saya layanannya ialah layanan penjara, layanan atas nama banduan. Itu yang saya dapat. Orang tanya saya dari segi makanan. Saya rasa saya lebih banyak makan ikan kering daripada ikan basah atau ayam/daging. Kalau ayam yang diberikan ke-

pada kami setiap hari Isnin saya sifatkan ayam yang putus haid, sayur yang tidak berkualiti.

“Makanan dan ikan yang diberikan bukan low class, tetapi bawah dari low class. Ikan kering juga sudah berbau busuk dan tidak cukup kering dan saya kira layanan ini tidak wajar kepada banduan.

“Sepatutnya peruntukan yang lebih diberikan kepada banduan apatah lagi dengan kos tinggi yang mana pembekal nak untung lebih, dia cari makanan yang tidak berkualiti. Gula pun tidak cukup bekalan. Kadang-kadang waktu minum pagi air sampai dulu, gula belum sampai. Mungkin lori terbalik, walahualam. Jadi saya rasa ini tidak wajar.

“Malah, ayam yang diberikan untuk tengah hari dan malam, berat timbangan ayam ialah 130 gram kalau tidak silap ingatan saya seperti yang diberitahu pegawai yang menjaga bahagian masak. 130 gram itu dibahagi dua - satu untuk tengah hari satu untuk malam.

Apa yang YB dapat iktibar setelah menjadi penghuni penjara?

Saya nampak macam-macam. Penjara sekadar kena kurung dan kalau buat salah kena denda. Pemulihan kesadaran ada tetapi tidak serius. Ada orang yang masuk penjara 15 hingga 20 kali. Ada orang yang dikenali sebagai anak penjara kerana dia lahir dalam penjara sebab mak dia dulu banduanita dan sekarang dia masuk penjara dah empat kali.

Begitulah, masuk penjara dah biasa kerana tidak takut dengan perbuatan jenayah yang dilakukan mereka.

Saya tanya orang yang masuk penjara 15/16 kali, pernah kamu diberi kaunseling? Mereka kata tidak pernah. Pernah kamu diberi program pemulihan? Tidak pernah. Saya tanya pondan yang tiga kali masuk kerana kes dadah, pernah kamu diberi kaunseling? Tak pernah. Jadi tidak ada satu program pemulihan.